

# Najwa digeruni lawan

■ KUALA LUMPUR 18 OGOS

**T**IDAK menyangka daripada acara olahraga, dia kini merupakan pemain harapan negara dalam sukan bola jaring.

Demikian penjelasan penyerang (GS) handalan, An Najwa Azizan apabila dia diminta mencuba sukan baharu apabila berada di Sekolah Sukan Kuala Lumpur (SSKL).

Jelas gadis berusia 20 tahun itu, dia sebelum ini pernah meraih pingat

gangsa di kejohanan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) ketika berusia 12 tahun.

"Semasa belajar di SSKL, ada guru mengajak saya menyertai



sukan bola jaring. Sejak itu, saya jatuh cinta dengan sukan ini," katanya yang masih menunggu kemasukan ke Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang Komunikasi.

Ditanya mengenai hobi dirinya, anak kepada bekas pemain ragbi negara, Azizan Azmi itu berkata, dia suka menghabiskan masa dengan menjamu selera.

Katanya, hidangan yang paling digemari adalah ayam masak cili api atau masakan Negeri Sembilan kerana rasa pedas dalam masakan negeri itu.

Jelasnya, dia selalu menjamu selera bersama ahli keluarga dan sahabat handai.

Ditanya adakah hobinya itu akan menyebabkan dia 'terlebih berat', gadis yang murah dengan senyuman itu berkata, dia akan memastikan berat badannya akan kembali ideal semasa latihan bermula atau menjelang kejohanan.

Anak kedua bongsu itu berkata, dia sangat rapat

**KETINGGIAN** dimiliki An Najwa Azizan (kiri) memberi kelebihan dalam pasukan bola jaring Malaysia.

dengan abang yang setahun tua daripadanya iaitu Syazani Az, 21 tahun.

Katanya, keakraban dengan Syazani semasa kecil menjadikan dia seorang yang lasak.

Jelasnya, pelbagai aktiviti lasak dan permainan agak ganas dilakukan bersama termasuk bergusti.

"Dia seorang abang yang sangat rapat dengan saya. Selain prihatin, dia seorang abang yang sangat penyayang.

"Banyak aktiviti lasak kami lakukan bersama. Tak hairan apabila saya bersifat agak lasak kerana terpengaruh dengannya," katanya sambil tertawa, selain menjelaskan dia sangat meminati haiwan bernama singa.



## #PROFIL

### AN NAJWA AZIZAN

Sukan: Bola jaring  
Negara: Malaysia  
Posisi: Penyerang (GS)

Asal: Ampang, Selangor  
Tarikh lahir: 9 Ogos 1997  
Tinggi: 179 sentimeter  
Berat: 78 kilogram

Pendidikan:  
Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ)  
Adik-beradik:  
Keempat daripada lima beradik  
Hobi: Makan  
Warna kegemaran:  
Merah, biru